

AS sokong penubuhan negara Palestin — Powell

PUTRAJAYA 30 Julai — Amerika Syarikat (AS) memberi jaminan bahawa ia tetap komited dengan proses damai selain menyokong penubuhan sebuah negara Palestin sebagai pembuka jalan ke arah mengembalikan kedamaian di rantau Asia Barat.

Setiausaha Negaranya, Colin Powell menegaskan, seperti yang dinyatakan oleh Presiden George W. Bush, AS akan berusaha bagi memastikan rancangan damai itu menjadi kenyataan dalam jangka masa tiga tahun.

Kata beliau, matlamat AS dalam rancangan damai itu ialah melihat penduduk Palestin dan Israel tinggal berjiran dalam situasi yang aman tanpa sebarang kebimbangan.

“Kami berbincang mengenai konflik Asia Barat dalam semua mesyuarat dan saya memaklumkan mengenai cita-cita Bush dan usahanya untuk mengembalikan keharmonian sambil mewujudkan sebuah negara Palestin.

“Saya juga telah menjelaskan

kepada rakan saya (Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar) bahawa AS sedang berusaha meningkatkan keselamatan rakyat Palestin di wilayah-wilayah yang diduduki oleh Israel,” kata Powell pada sidang akhbar bersama Syed Hamid di Wisma Putra hari, di sini hari ini.

Sidang akhbar itu diadakan sejurus selepas Powell mengadakan perbincangan selama lebih sejam bersama Syed Hamid.

Sebelum itu, beliau mengunjungi dan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Powell tiba di negara ini malam tadi dalam rangka lawatan ke enam buah negara Asia Tenggara, bertujuan mengumpul sokongan untuk menjayakan kempen antikeganasan yang diketuai mereka selepas tercedus serangan ganas di Washington dan New York pada 11 September lalu.

Sebelum ke Malaysia, beliau telah melawat Thailand dan berlepas ke Singapura petang ini.

Sementara itu, Syed Hamid berkata, Malaysia percaya AS mempunyai peranan yang besar dalam menyelesaikan konflik Palestin-Israel yang berlarutan sejak sekian lama.

“Saya rasa konflik ini akan dapat diselesaikan terutama selepas kesediaan AS untuk terus berperanan ke arah itu,” katanya.

Sekurang-kurangnya 1,471 orang rakyat Palestin dan 564 warga Israel terbunuh sejak kebangkitan menentang Israel mula meletus September tahun lalu selepas proses damai yang diusahakan AS menemui jalan buntu.

Mengenai hak asasi manusia dan tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Powell berkata, Syed Hamid telah menjelaskan pendirian dan pendekatan Malaysia tentang perkara itu.

“Kita tetap berpegang bahawa dalam apa juga tindakan kita termasuk memerangi keganasan, ia mestilah konsisten dengan standard hak asasi sejagat,” katanya.

Mengulas perkara sama, Syed Hamid berkata, negara ini menerima banyak pujian berhubung amalan pelaksanaannya selain tidak menggunakan undang-undang seperti ISA untuk menyekat pembangkang.

“Ia hanya digunakan untuk memastikan keamanan dan kestabilan negara dilindungi. Kalau ada sesiapa yang cuba mengugut keselamatan negara, kita akan ambil tindakan,” katanya.

Syed Hamid berkata, Malaysia tetap mempertahankan hak asasi manusia, keluhuran undang-undang dan kebebasan kehakiman tetapi ia mungkin ada sedikit perbezaan mengennainya apabila perkara-perkara itu dilaksanakan.